

<p style="text-align: center;">I Raja Gandum</p> <p style="text-align: center;">Tinangon di Ruminting Jailin Kg. Sinoginday Pitas, 2012.04.27</p> <p style="text-align: center;">Tinulis di Rosnah Nain 2013</p>	<p style="text-align: center;">Si Raja Jagung</p> <p style="text-align: center;">Diceritakan oleh Ruminting Jailin Kg. Sinoginday Pitas, 2012.04.27</p> <p style="text-align: center;">Terjemahan Melayu: Rosnah Nain 2013</p>	<p style="text-align: center;">The Maize King / The Corn King</p> <p style="text-align: center;">Told by Ruminting Jailin Sinoginday Village 2012-04-27</p> <p style="text-align: center;">English: James Johansson 2013</p>
<p>Waro no ka ka ilo. Pisasawo no da Raja om ah Dayang. Kopisasawo-i, kesaan, koduwaan, kotoluwan, kaapatan, kolimaan, kaanaman ka kinopisasawaan. Mooyo po di kotûuru om, “Dii poy raja om, naa araat aa rasa ku,” ka di Dayang. “Ay oõ, ong araat o rasa, ba atatagon do milimpanaw tu kalu ong keyoyoon kito do tulun,” ka di Raraja kabarasan. “Oõ,” ka di Dayang.</p> <p>Adi, yoku po dot araat o rasa ka, noliyot. Noliyot, sumpakon, liyaban tapi, agayaan. Adi, moyo po ka dit agayaan no om, “Dii poy Dayang om iti diti kapapayig oku po, mogium oku do sosokot do tanak toh,” ka. “Nga, ino nopo ong aaku po kooli om osusu koh, ong osusu koh nopo om kusay, na opudon nu,” ka. “Ong osusu koh om tongondu, koyon no opudo tu, opudon nu poma om kooli oku nga patayon ku-i,” ka dit Raja. “Tu aaku engin do momiara do tongondu,” ka. “Oõ,” ka di Dayang.</p> <p>Adi, na minabpanaw no dîino beeri it Raja, aa elaan ong songkuro koleed. Nakapapanaw</p>	<p>Pada zaman dahulu, berkahwinlah seorang Raja dengan seorang Puteri. Selepas berkahwin, hari pertama, hari kedua, hari ketiga, hari keempat, hari kelima, dan hari keenam selepas hari perkahwinan. Ketika tiba pada hari yang ketujuh, “Ampun tuanku Raja, dinda rasa badan dinda tidak selesalah,” adu Permaisuri kepada raja. “Baiklah adinda, jika adinda rasa tidak enak badan, jagalah pergerakan adinda, sebab mungkin kita akan berbadan dua,” jawab Raja. “Baiklah,” balas Permaisuri.</p> <p>Apabila permaisuri mengatakan bahawa dia tidak enak badan, maka nyatalah bahawa dia telah berbadan dua. Dan ketika permaisuri sudah sarat mengandung, “Adinda permaisuri, kanda ini mahu pergi belayar, kanda mahu mencari baju untuk anakanda kita,” kata Raja. “Tapi, seandainya sepemergian kanda nanti dinda akan bersalin dan mendapat seorang putera maka dinda besarkannya,” pesan Raja. “Tapi jika dinda bersalin nanti dan mendapat seorang puteri maka janganlah dinda besarkannya, sebab walaupun dinda tidak akan bunuhnya, kanda tetap akan membunuhnya apabila kanda pulang nanti,” sambung Raja. “Sebab kanda tidak suka membesarkan seorang puteri,” kata Raja. “Baiklah,” jawab Permaisuri.</p> <p>Lalu Rajapun bertolaklah dengan tidak mengetahui beberapakah lamanya ia dalam pelayaran. Belumpun</p>	<p>Once upon a time a King and a Princess got married. The first, second, third, fourth, fifth and sixth days from getting married passed. Then on the seventh day, the Queen said, “Oh my, King, I don’t feel well.” The King said, “If you don’t feel well, be careful about walking around because maybe you’re pregnant.” “Alright,” said the Queen.</p> <p>Having said she did not feel well, she hid herself. Then she went thru the various stages of pregnancy and her belly grew large. When she was far along in pregnancy the King said, “Queen, I’m going away to find clothing for the child. Should you give birth before I return, if it is a boy, keep him alive. If it is a girl, don’t keep her alive, because even if you should keep her alive, when I come home I will kill her, because I don’t want a girl.” “Yes dear,” said the Queen.</p> <p>So the King set off for who knows how long. When the King had gone Princess began</p>

<p>i Raja diri, minonongkoruol no i Dayang do tiyan. “Yoku po monongkoruol,” ka, nosusu. Om kosusu kabarasan nga tongondu it tanak.</p> <p>“Aaay,” ka dit Dayang. “Kukuro iti? Osusa neeti dot aaku-i dara koyuu yoku i akang diti. Kukuro iti ot takal ku?” ka di Dayang. Kikiwa nopo di Dayang om boroso no i tongo kouripanan om kiawi it tambaloy dot, “Ino nopo, ong kooli i raja om mongoduat dot nunu ot tanak ku, koyo duyu no paabaro dot tongondu om minaan ku-i opudo,” ka dit Dayang. “Oō,” ka di kouripanan om i tongo tambaloy.</p> <p>Amu elaan ong songkuro nogi kaagayo i tanak diri balaay nokooli no i Raja. Adi, norongow nogi di Dayang i kapal sid tuunon mogur-ogur, ongoy no sid tambaloy. Warot tambaloy dot ki-tanak-i do tongondu, do miinong kaagayo, pootodo no siri i tanak yo. Na siri no diino.</p> <p>Kooli i Dayang, aa-po nakalaga i Raja sid walay, sid tuunon nogi somungo no. Om kokito di Raja dot opipiak no i tiyan di Dayang, “Nunga’y Dayang, nosusu koh no oy?” ka. “Oō, nga aso-i boy Raja. Pagka tu tongondu i tanak tōo, aaku-i minangan opudo tu boros nu nopo diri nga aa-koh-i mangakun dot opudon ong tongondu no. Na, aaku-i minaan opudo, minaan ku-i patayo,” ka di Dayang. “Oō, awasi nogi ino</p>	<p>beberapa lama Raja pergi, permaisuri pula mengadu sakit perut kerana mahu bersalin. Sebaik sahaja permaisuri merasa sakit hendak bersalin maka tidak lama kemudian bersalinlah ia dan mendapat seorang puteri.</p> <p>“Alamak,” kata Permaisuri. “Bagaimana caranya ini ya? Sedangkan beta sangat sayang akan anakanda beta ini. Bagaimana helah beta nanti ya?” kata Permaisuri. Lalu dengan tidak semena-mena, permaisuri pergi memberitahu kepada hamba-hamba dan para jirannya bahawa, “Seandainya Raja balik nanti dan bertanya apa anakanda beta, tolonglah jangan beritahu bahawa beta telah mendapat seorang puteri dan beta telah besarkannya,” kata Permaisuri. “Baiklah,” jawab hamba-hamba dan jiran tetangganya.</p> <p>Entah berapakah umurnya puterinya itu, ketika Raja pulang dari pelayarannya. Dan ketika permaisuri mendengar bunyi kapal di pengkalan, pergilah permaisuri ke rumah jirannya. Adapun jirannya mempunyai seorang anak gadis yang sebaya dengan puterinya, maka dengan itu dia telah menghantar puterinya itu ke rumah jirannya. Puteri Raja itupun tinggallah di situ untuk beberapa waktu lamanya.</p> <p>Ketika permaisuri pulang, Raja masih belum sampai di istana dan masih berada di pengkalan, maka pergilah permaisuri ke pengkalan untuk menemui Raja. Dan ketika Raja melihat bahawa perut permaisuri sudah kempis, “Adinda permaisuri, sudah bersalinkah engkau?” tanya Raja. “Ya kanda, tapi oleh kerana adinda telah mendapat seorang puteri maka tidaklah dinda besarkannya sebab dinda teringat akan pesan kanda dahulu bahawa kanda tidak izinkan dinda membesarkannya jika dinda mendapat seorang puteri.</p>	<p>having labor pains. “I’m having pains,” she said and then gave birth. The child was a girl.</p> <p>“Now what am I going to do?” asked Princess. “This is difficult when I can’t bear to lose my daughter.” So Princess said to her slaves and all the neighbors, “Make sure that when the King returns and asks what the child is that you don’t tell him that it is a girl and that I allowed it to live.” The slaves and neighbors agreed.</p> <p>I don’t know how old the girl was when the King returned. When Princess heard the ship at the dock, she went to the neighbors. The neighbor had a daughter of the same age, so she took her daughter there, and that’s where she stayed.</p> <p>Princess got home before the King arrived and she went to greet him. When the King saw that her stomach was flat he said, “Wow Princess, have you given birth?” She answered, “Yes but it doesn’t exist anymore oh King. Since the child was a girl, I didn’t allow it to live since you said that you wouldn’t allow the child to live. So I killed it.” The King said, “That’s good Princess, because had you let her live I would</p>
---	---	---

<p>oy Dayang tu, minaan nu poma iri opudo nga maan ku-i patayo,” ka di Raja.</p> <p>Na, kooli d̄ino, aso no d̄ino bo iri. I tanak diri, sis̄iri kabarasan sid tambaloy, sid taanta yo. Ong kapayig i raja muli, maan ongoyo di Dayang. Ong kodung-ko otoron i Raja, amu-i maan ongoyo.</p> <p>Agagayo no iri kabarasan, tumimpuun no do pomongkungan, lompupukan no, pangagaman. Adi, pagka om agayo no d̄ino babanar, bujang no, asarok no d̄ino do miuli-uli siri ka. Adi, pupuun po, insan induwo po aa-po mangarang i Raja. Asarok nopo do miguguli siri minongoduat no. “Dii poy Dayang om, isay ka at miguguli dilo siti?” ka. Ay madaada i Dayang do mongitung dot kukuro o tisambut yo. Ka di ginaawo di Dayang, “Misti maan ku iti paabaro tu amu no dati ilo patayon dat Raja ong agayo no ot okito,” ka. “Sabanar no toy Raja om, minomudut oku-i dikaw diri, aaku-i minaan patayo i tanak t̄oo, nga ilo nobo ilo o tanak t̄oo,” ka dit Dayang.</p> <p>“Ay, ondos ku no ong babanar-ko minaan nu patayo, nga aa-koh-i balaay minimoyo di boros ku,” ka dit Raja. “Nga, kukuk̄uro-i, ongko boroson it okodok po, nokuro mang at</p>	<p>Jadi dinda telah bunuhnya kanda,” jawab Permaisuri. “Iyalah, sangat baiklah tu, sebab walaupun dinda besarkannya, tapi kanda tetap akan bunuhnya juga,” kata Raja.</p> <p>Nah, sebaik sahaja mereka pulang ke istana, maka Rajapun tidak lagi berkata apa-apa. Sementara puteri pula, tinggallah ia di rumah jiran mereka dengan kawan sebayanya. Jika Raja tidak ada di istana, maka permaisuri akan membawanya pulang ke istana. Tapi jika Raja ada di istana, permaisuri tidak akan membawanya pulang.</p> <p>Dan kini puteri itu sudah besar sedikit dan mulalah tumbuh buah dadanya, dan kini sudah remaja. Jadi, oleh kerana puteri itu sudah besar dan sudah remaja, maka makin keraplah ia pulang ke istana. Pada mulanya iaitu ketika sekali dua, Raja masih belum menegur lagi. Namun apabila sudah begitu kerap sangat puteri itu datang ke istananya maka tidaklah tahan hatinya untuk bertanya. “Wahai adinda ku permaisuri, siapakah dia gadis yang selalu datang ke mari?” tanya Raja. Permaisuri terdiam seketika, dan berfikir apakah jawaban yang harus ia berikan. Lalu, “Beta harus memberitahu kebenarannya, sebab mungkin Raja tidak lagi akan membunuhnya jika dia melihat puteri yang sudah besar begini,” kata permaisuri dalam hatinya. “Ampun tuanku kanda Raja, sebenarnya dinda telah berbohong kepada kanda. Sebenarnya dinda tidak juga membunuh puteri kita, dan dialah puteri kita itu,” jawab Permaisuri.</p> <p>“Oh, kanda sangka dinda benar-benar telah membunuhnya, tapi rupanya dinda tidak menuruti arahan kanda,” kata Raja. “Jangankan ketika masih kecil lagi, walaupun kini sudah besar begini tapi kanda tetap akan</p>	<p>have killed her.”</p> <p>Then they went home and no more was said about it. As for the girl she just stayed with the neighbor with their daughter of the same age. Whenever the King was away Princess would go get her daughter. When he was at home she would not get her daughter.</p> <p>Then she grew older and her breasts developed. When she reached puberty she would often go back and forth to the palace. At first when she had just come a couple of times the King said nothing, but later he asked, “Princess, who is that girl that keeps coming over here?” Princess said nothing for a time thinking how to answer him. In her heart she said, “I should tell the King, because when he sees that she is grown up surely he won’t kill her.” So she said, “Actually King, I lied to you. I didn’t kill our daughter; she is our daughter.”</p> <p>The King said, “I thought you had really killed her, but in fact you didn’t follow my instructions. But whatever the case, even tho she is not small anymore, even now I am going</p>
---	---	--

<p>tidino dilo tu agayo no nga patayon ku-i,” ka di Raja. “Tu, aaku engin ong kodung ong tanak do tongondu,” ka.</p> <p>Pomiramok no kabarasan ilo. Nokopomiramok-i, pomiluba no. Nokopomiluba-i maay no isisay d̄fino, minangan d̄fino do pomodos, paliw. (Mongisis ka dino, minanalud dot paliw, baru nogi om nigigil sid lawis dit ramok.) Notuuw-i iri, maay loowo it tanak. “Dii poy Ugow om siti koh pol!” ka. Ongoy no it tanak. “Ingkakat siilo’d susuwangon,” ka. Ingkakat siri, peengkakat, maay sopuko kabarasan, koonong insan-i i takod, “Ay lungkaki amas si amo, nitundun saaku,” ka. Sopuko no keenduwu it longon. “Ay golong amas si amo, pinonundun saaku,” ka. Sopuko keentolu, i susu o n̄onong. “Ay kusubung amas si amo, nitundun saaku,” ka. Om iri po noboros om linumuluk-i do minatay.</p> <p>Soromoon-i kabarasan d̄fino ong i tondig-ondig diri om kokitanay do minatay i tondig-ondig yo nga, kiinam nopo do mogiad, aso sodoy om adlaw do mogiad ka. Kinabababaasan do mogiad kabarasan om, kikiwa nopo om maay no porumpungo i soosokot yo om i soosokot dit tanak di Raja, om posuwango no do basung, om boboo no, om saano no it bangkay dit tanak di raja, ow̄ito no mogidu.</p> <p>Kesaan, koduwaan, kotoluwan, kaapatan, kolimaan,</p>	<p>membunuhnya juga!” tegasnya. “Sebab kanda sangat tidak berkenan jika mendapat anak seorang puteri,” katanya lagi.</p> <p>Lalu, Rajapun mulalah membuat damak. Setelah menyiapkan damak, ia membuat pula gabusnya. Setelah menyiapkan gabus, mulalah ia meletakkan racun yang berbisa pada damak itu. Apabila racun pada damak sudah kering, Raja lalu memanggil puterinya. “Wahai anakanda beta, coba anakanda datang ke mari!” panggil Raja. Bila puteri itu sudah datang, “Silakan berdiri di muka pintu,” arah Raja. Setelah puteri sudah berdiri di muka pintu, maka Rajapun lalu menyumpitnya dan ketika pertama kali disumpit terkena pada kaki tuan puteri. “Ahh, gelang kaki emas ayahanda diberikan pada anakanda!” jerit Tuan Puteri. Kali kedua disumpit terkena pada pergelangan tangan. “Gelang tangan emas ayahanda diberikan pada anakanda!” jerit Tuan Puteri. Kali ketiga disumpit terkena pada buah dadanya. “Ahh, rantai emas ayahanda diberikan pada anakanda!” jerit Tuan Puteri. Dan sehabis sahaja ia mengatakan demikian, ia terus jatuh dan meninggal dunia.</p> <p>Sementara kawan sebayanya pula, apabila dia melihat bahawa kawannya itu sudah meninggal dunia, dia terus menangis tanpa henti-henti siang dan malam. Bila sudah puas menangis, dia kemudian mengumpulkan pakaiannya dan pakaian puteri raja itu dan kemudian memasukkannya ke dalam bakul sekutan, lalu menyekutnya dan kemudian mengangkat mayat tuan puteri itu lalu membawanya pergi.</p> <p>Hari pertama, hari kedua, hari ketiga, hari keempat, hari kelima dan</p>	<p>to kill her because I don’t want a daughter.”</p> <p>So then the King began making blowgun darts, and then the soft back end of the darts. Then he put the darts in poison to make them deadly. (The poison he tapped from a particular tree’s sap, and then dipped the dart tips into it.) When the poison was dried on the dart tip, he summoned his daughter. “Dear, come here,” he said. So she came. “Stand over there in the doorway,” he said. When she was standing there he shot at her and hit her leg. She said, “A golden ankle bracelet from my father.” He fired it at her again and hit her in the arm. She said, “A golden wrist bracelet from my father.” He shot her a third time and hit her in the breast. She said, “A golden necklace from my father.” When she had spoken those words she fell down dead.</p> <p>When her peer saw that she had died she went on and on crying as if there were no day or night. When she finally finished crying, she gathered up both her own clothing and the clothing of the King’s daughter and put them in a backpack basket. She carried them on her back, and carried the corpse of the King’s daughter over her shoulder and carried her off.</p> <p>She walked on the first, second, third, fourth, fifth and</p>
--	--	---

kaanaman ka do maapâanaw no iri, sumampot po at kumoturu om nakalaga kabarasan dot baanan do paku. Aso wookon ot kayu, paku kiawi. Pabpanaw sid tanga, waro sid tanga kabarasan di paku ot iso-i o kayu do peengkakat, songkayu-i. “Aay, kapatay do kowiyaw nga na mimingkoyod po siti iti tu ala neeti do koolupuw,” ka dit tanak di woyoon.

Ingekoyod dîino siri, powilio no it bangkay. Kowiliw-i, pomurakit do tapuy ka tu minokianu sid tindi yo do babagid om gagampa, om kukuron om samparang o gandum. Nokopomurakit-i do tapuy, ponorîmo no. Koponorimo-i, na sosodoy no bo dîino. Na siiri-i do minodop, minaan duduno it bangkay.

Moyo po kabarasan dit napatay i tinuwong om, waro no ot orongow yo dot tuni do tombolog sinumako sid kayu, kopurimanan. Aa-po leled om orongow no do miiboboros ka. Dot it tombolog diri, okon-i-ko nunu balaay ilo kandaway om luung. “Dii poy ondig om mitangon kito,” ka dit Luung. “Nn, adang no tu waro tulun diti siti,” ka di Kandaway. “Kadaa no mogkorootan oy ondig, ontod sombo ot tulun siti dot koosodu. Isay o nokorikot o tulun siti, om nunu o tomodon do tulun siti dot sampay sodoy

hari keenam ia berjalan. Ketika tiba pada hari yang ketujuh, sampailah ia pada suatu kawasan yang ditumbuhi dengan pokok pakis. Tiada tumbuhan lain selain daripada pokok pakis itu sahaja. Namun ketika ia berjalan maju ke tengah kawasan itu, ia mendapati bahawa di tengah-tengah kawasan itu terdapat sebatang pohon kayu yang tertanam indah di situ, tapi hanya sepohon sahaja. “Ahh, sama-ada hidup mahupun mati tapi saya harus berehat di sini sebab alangkah letihnya saya ini,” kata anak Ketua.

Berhentilah ia di situ dan lalu meletakkan mayat tuan puteri. Setelah meletakkan mayat tuan puteri iapun menyalakan unggun api sebab sebelum bertolak dahulu, ia telah meminta kepada ibunya sebiji mancis, parang, periuk belanga dan sebutir jagung. Selepas menyalakan unggun api, dia kemudian menanak nasi. Ketika nasi yang ditanaknya sudah masak, haripun sudah hampir gelap. Jadi, diapun tidurlah di situ dengan bertemankan mayat tuan puteri di sampingnya.

Ketika hari sudah gelap benar, tiba-tiba kedengaranlah oleh anak ketua bunyi burung yang hinggap di atas pokok itu. Tidak lama kemudian, kedengaranlah olehnya bahawa burung itu berkata-kata. Padahal burung itu rupa-rupanya adalah burung bangau dan burung rajawali. “Hai kawan, mari kita bercerita,” kata Sang Rajawali. “Tak usahlah kawan, ada manusia di sini,” jawab Sang Bangau. “Jangan merepeklah kawan, dari mana pula datangnya manusia di tempat ini, sedangkan ianya begitu jauh sekali. Siapakah manusia yang dapat datang hingga ke mari dan apa tujuannya sehingga sudah dinihari pun ia masih berada di sini?” kata Sang Rajawali. “Ah tidak, memang ada manusia di

sixth day. When it came to the seventh day she reached a field of ferns. There were no trees – just ferns. However, right in the middle of the ferns there was just one tree. “Live or die, I’m stopping here because I’m so worn out,” said the daughter of the village head.

So she stopped there and laid down the King’s daughter’s corpse. After that she lit a fire. She had asked her mother for matches, a bushknife, a cooking pot and one maize (corn) seed. When the fire was going she cooked rice. After cooking it was evening. She slept there with the corpse.

When it got very dark out, she heard what she took to be birds landing on the tree. Then she heard a discussion. Actually the birds were none other than an egret and a stork. The stork said, “Let’s tell folktales.” The egret responded, “Let’s not because there is a human here.” “Oh nonsense,” said the stork, “how is a person going to get here so far from anywhere? Who is going to come here, and what would be their purpose, and why would they stay right into the night?” The egret said, “No, I tell you there is a human here.” “There is no one,” said

nga sisîiti,” ka di Luung. “Ay amu, kiwaro tulun siti,” ka dit Kandaway. “Aso,” ka di Luung. “O nga, kodung ong kiwaro tulun, sumiliw kito do pampang ki,” ka dit kandaway. “Oõ,” ka di Luung.

Om pitangon dîino kabarasan, “Oõ, waroo no ka ka ilo oy ondig,” ka di Kandaway. “Waro kabarasan ilo Raja dot monontiyan i sawo, i Dayang. Amu po nosusu iri, minabpanaw i Raja tu mogium do soosokot kabarasan di tanak. Nga iri po it tâantad do mabpanaw, minomoros do, ‘Kodung ong osusu om tongondu, koyon no opudo tu aaku engin. Ong osusu koh dino om kusay, opudon tu engin oku momiara. Kodung ong tongondu, opudon nu poma, nokuro mang agayo no ong tongondu nga patâyon ku-i,’ ka di Raja,” ka dit Kandaway. “Oõ,” ka di Luung. “Nga kosusu dîino i Dayang, nga kasasalaan tongondu i tanak. Nga pagka tu amu-i koyuu di Dayang, amu-i dîino minangan patayo, na minangan pootodo sid tambalay, tu i pikiran di Dayang, mungkin ong agayo no amu no dati patayon di Raja, ka di pongitungan di Dayang; dot songgo ma, agayo poma nga patayon-i, aa-i engin i Raja ong tongondu no,” ka. “Adi, nagayo no iri, nosukod no it tanak om minangan nogi paabaro di Dayang nga minangan-i patayo di Raja,” ka. “Nga ilo nobo dogima oy ondig ot osian no tu it tondig-ondig, aa-i minangakun do minangan polobongo ino it tanak di Raja,

sini,” jawab Sang Bangau. “Tak adalah,” balas Sang Rajawali. “Baiklah, tapi seandainya ada manusia di sini, kita akan menjadi batu,” kata Sang Bangau pula. “Baiklah,” jawab Sang Rajawali.

Setelah itu kedua-dua ekor burung itupun lalu bercerita. “Pada suatu masa dahulu kononnya, wahai kawan,” cerita Sang Rajawali, “kononnya ada seorang Raja yang punya permaisuri yang hamil. Belumpun permaisuri itu bersalin, Raja telah pergi belayar untuk mencari baju anak mereka. Akan tetapi sebelum Raja bertolak, ia telah berpesan kepada permaisuri, ‘Andainya dinda bersalin dan mendapat seorang puteri, janganlah dinda besarkannya sebab kanda tidak suka. Namun, jika anak dinda nanti adalah seorang putera, dinda besarkanlah ia sebab kanda pasti akan suka. Jika ia adalah puteri dan dinda besarkannya, maka walaupun ia sudah dewasa tapi kanda tetap membunuhnya juga’, pesan raja,” cerita Sang Bangau. “O ya,” sela Sang Rajawali. “Namun ketika permaisuri bersalin, ia telah mendapat seorang puteri. Tapi oleh kerana permaisuri sangat menyayangi puteri itu, maka dia tidak membunuhnya, tapi dihantarnya di rumah jirannya, sebab pada fikiran permaisuri, mungkin Raja tidak lagi mahu membunuhnya jika sudah besar. Padahal walaupun sudah besar tapi Raja tetap akan membunuhnya juga sebab Raja sangat tidak berkenan pada puteri,” sambung Sang Bangau. “Jadi, selepas anak itu sudah besar barulah permaisuri memberitahukan hal itu kepada Raja, tapi Raja tetap membunuhnya juga. Tapi hal yang sangat meruntun hati ialah kawan sebayanya tidak mahu jika mayat tuan puteri itu dimakamkan, dan dia telah

the stork. “Yes, but if there is someone who hears us, we will turn into stone,” said the egret. “Agreed,” said the stork.

So they started telling folktales. “Once upon a time,” said the egret, “there was a King whose wife was pregnant. Before the child was born the King went off to look for clothing. But before setting off he said, ‘If you give birth and it’s a girl, don’t allow it to live, because I don’t want a girl. If you give birth and it’s a boy, let it live because I want to keep him. If it’s a girl, even if you let her live, even if she is already grown I will kill her.’ “I see,” said the stork. “So Princess gave birth and unfortunately it was a girl. But since Princess couldn’t bear to lose her, she didn’t kill her daughter. Instead she brought her to a neighbor, because she thought that maybe the King wouldn’t kill her once she was grown. But in fact even when she was grown he would kill her anyway, because the King did not want a daughter. So when she was full grown, Princess told the King and he killed her. Now here’s the sad thing; her friend wouldn’t allow her to be buried. Instead she carried her off. If my memory serves me right, she came right to this place. But if that girl were to take roots from this tree, boil it in water and pour the water into the corpse’s mouth, she would be brought

<p>minaan owito do mogidu,” ka. “Nga, bang aaku osilap diri mongôndom, siti o pinakaayan,” ka. “Nga bang kikiwa nopo dat tongondu om manganu no ti gamut ti kayu diti om maan rusapo om tunguon aa kabang dat bangkay dilo, oposiyan,” ka dit kandaway.</p> <p>Asal-ko norongow dit tongondu iri, tungag no, agaago-i do tumungag, om korongow dit tombolog it mookorit it tongondu di tinumungag sampay miningkakat, na pololopug po sinumiliw do pampang tu babanar-i minisumpa gima. Sinumiliw do pampang kiduduwo.</p> <p>Asal-ko nokotungag iri, panganu di gamut, maay no rusapo. Norusap-i, tunguo i kabang om tuntugay ontod sid timpululu om tuntugay sampay i koyuwan, niompus sid ongo takod. Moyo po ka di keentolu tuntugay om milom posusurung po kabarasan do pinuobo. Iri no sagayanan no, sampay nokotungag, noposiyan no dîino. Adi, na noposiyan dîino bo iri, ay naar ototôomon no i koruang, it tondig-ondig. “Dii oy ondig,” ka, “awawasi no tu noposiyan koh-i. Ong amu no, aaku-i dîiri muli, mimang-ko maya oku dikaw matay,” ka.</p> <p>Adi, kikiwa nopo dotilo om pamaal no do lalagkaw, dot panganu do kakayu, powonsuko no. “Naru ku pod susundu ong</p>	<p>membawanya pergi dari istana. Tapi jika tak silap saya, di sinilah tempatnya dia membawa mayat itu pergi,” cerita Sang Bangau. “Tapi, jika gadis itu mengambil akar kayu ini lalu direbusnya dan kemudian dituangkannya pada mulut mayat itu, pasti mayat itu akan hidup semula,” kata Sang Bangau.</p> <p>Sebaik sahaja anak gadis itu mendengar akan hal itu, ia terus sahaja bingkas bangun, dan ketika burung-burung itu mendengar bunyi kerpas si anak gadis berdiri, maka dengan sertamerta kedua-dua ekor burung itu jatuh dan menjadi batu, sebab itulah sumpah mereka.</p> <p>Sebaik sahaja anak gadis itu bangkit berdiri, ia terus mengambil akar kayu itu dan kemudian merebusnya. Sesudah direbus, ia terus menuangkannya pada mulut tuan puteri dan kemudian menuangkannya pula ke ubun-ubun hinggalah ke seluruh badan dan ke hujung kaki tuan puteri. Ketika pada kali ketiga ia menuangkannya, maka dengan tiba-tiba tuan puteri itu beroleh nafas. Bila sudah demikian, anak gadis itu makin menuangnya dengan kerap hinggalah tuan puteri itu bangkit dan hidup semula. Sebaik sahaja tuan puteri itu bangkit dan hidup semula, maka anak gadis itu merasa gembira yang teramat sangat. “Duhai tuan puteri, nasib baiklah tuan puteri telah hidup semula. Kalau tidak, beta tidak akan pulang. Beta akan ikut tuan puteri mati,” kata si anak gadis.</p> <p>Sesudah itu, merekapun memutuskan untuk mendirikan sebuah sulap, lalu mengambil sebatang ranting kayu dan kemudian memacakkannya</p>	<p>back to life.”</p> <p>No sooner had the girl heard that than she sprang to here feet. The birds heard the crackling sound of her getting up and standing. Straightaway the birds fell with a thud to the ground having turned into stone since the curse they put on themselves had come true. Both of them turned to stone.</p> <p>As soon as she had gotten up she took a root and boiled it in water. Then she took the brew and poured into the mouth of the dead girl, and then she poured it on her from the crown of her head down onto her body and down to her legs and feet. When she had done this three times suddenly her breathing returned to her. She went on with this pouring until she sat up and was alive. When she came back to life her friend was overjoyed. She said, “Friend, it’s fantastic that you have come back to life. Had you not come back to life, I didn’t intend to ever go home. I was going to die with you.”</p> <p>Later they decided to build a hut. They took a large stick and planted it in the ground. She said, “May my magic powers be</p>
---	--	--

